

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS JAMUAN TEH SEKAPUR SIRIH SEULAS
PINANG, DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 19HB. OKTOBER, 1988
PUKUL 2.45 PETANG

D/S. Kontek Kamariah

1. Kementrian Hal Ehuwal Wanita tak dapat.
Tetapi dapat Bahg. Hal Ehuwal ♀ + bejahat +
pehahas - jentera sudah siap.
keharang, ♀ puku bergahong dan bersatu
Bersuana bersama 2.
Yg muda - pehahas
Yg tua - mengeluarkan.
2. Kesihatan → ^{mental health} - nutrition
 → mixed diet.
 → exercise

2.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Hajjah Nafsiah bte Omar,
Menteri Perusahaan Awam;

Yang Berhormat Dato Dr. Siti Zaharah
Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dr. Hajjah
Aishah Ong,

Dif-Dif Kehormat;

Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana *dan* berkat izin serta limpah kurniaNya dapat saya hadir bersama puan-puan di Majlis yang begitu bermakna petang ini, dalam usaha kita mencari satu tahap kehidupan dengan

dan
a yang

bakti yang lebih berkesan yang sering dicurahkan oleh puan-puan selaku ketua-ketua pertubuhan wanita.

2. Di harap dengan hasil yang lebih positif dapat kita menentukan peranan wanita di dalam pembangunan negara seterusnya membolehkan puan-puan membimbing kaum wanita ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup.

3. Pada zaman yang serba moden ini, puan-puan tentu sibuk dengan aktiviti-

...aktiviti/-

aktiviti untuk memajukan wanita. Mungkin ramai di antara kita sudah melupakan atau sememangnya tidak tahu bahawa sirih adalah sejenis daun yang banyak faedahnya dan memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sirih juga dikenali sebagai 'daun adat', 'daun budi' yang tidak dapat dipisahkan dengan adat dan budaya orang-orang Melayu. Sirih yang kini dilupakan oleh generasi muda di dalam kehidupan seharian mempunyai khasiat yang tertentu.

4. Menurut orang-orang tua sirih jika diamalkan memakannya boleh menjadikan gigi kukuh dan tahan lama serta menguatkan gusi dan rongga mulut.

...Bagi/-

5. Bagi ahli-ahli perubatan tradisional seperti pawang, dukun dan bomoh, sirih mempunyai pantang larang yang tertentu dan cara menggunakannya juga ada berperaturan yang mesti dipatuhi oleh setiap orang.

6. Sirih selain daripada dimakan dan digunakan di majlis-majlis pertunangan dan perkahwinan ada lagi juga mempunyai banyak kegunaan yang selama ini dipendamkan oleh orang-orang tua pemegang adat tradisi, ia sebenarnya dianggap sebagai daun yang penuh hikmat dan nikmat tinggalan warisan.

7. Suatu ketika dahulu sirih menduduki tempat yang begitu tinggi dalam masyarakat Melayu serta menjadi darah daging bangsa Melayu. Penggunaan sirih meliputi setiap

...lapisan/-

lapisan masyarakat tanpa mengira keturunan dan asal usul keturunan seseorang. Sirih yang biasa ditanam adalah sirih Melayu, Sirih Cina, Sirih Keling dan Sirih Adan.

8. Daripada sirih juga timbul kata-kata seperti 'yang tua dimuliakan, yang muda dikasihi, yang sama besar hormat-menghormati'. Kata-kata hikmat seperti:

Makan sirih berpining tidak,
Pining ada di bawah tangga,
Makan sirih mengenyang tidak,
Kerana budi dengan bahasa,

9. Bagi masyarakat Melayu sirih dikaitkan dengan sifat-sifat kesopanan yang lemah

...lembut/-

lembut dan berbudi bahasa tinggi. Cara pemakanan sirih juga mempunyai erti tersendiri. Jari manis melambangkan sesuatu yang indah dan sopan, jadi jalinan kapur dengan sirih hendaklah menggunakan jejari manis.

10. Pada petang ini kita cuba menghidupkan seni budaya sirih di kalangan masyarakat Melayu supaya ia tidak hilang ditelan dek zaman. Petang ini juga kita bersama-sama merenung kembali tentang kegunaan sirih.

11. Penggunaan sirih dalam masyarakat Melayu ini menunjukkan tentang orang kita mementingkan budi bahasa, hormat-menghormati dan hidup bersatu padu. Lantaran itu ialah sirih dikenali sebagai 'daun budi'.

...Sepetang/-

12. 'Sepetang sekapur sirih' dijadikan tema pada petang ini, adalah untuk kita bersama-sama mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain. Menghidupkan kembali sifat orang Melayu yang bersatu padu, penuh dengan budi dan bahasa, serta hidup dalam keadaan aman damai dan sempurna.

13. Sekapur sirih, seulas pinang dikaitkan pula dengan kapur, gambir dan tembakau membayangkan corak orang Melayu yang sangat mementingkan adat dan nilai-nilai untuk membentuk hidup bersatu.

14. Ia dikaitkan rapat dengan sistem nilai masyarakat Melayu, hidup beradat dan berperaturan.

...Saya/-

15. Saya akhiri dengan kata-kata:

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak ummah kerana budi,
Runtuh budi ummah binasa,

Kelebihan umat dengan muafakat,
Kelebihan nabi dengan mukjizat,
Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat,

Tatkala kecil bernama muafakat,
Tatkala besar bernama adat,
Si raja adat kepada muafakat,
Air melurut dengan bandarnya,
Benar menurut dengan pakatnya,
Negeri bertumbuh dengan adatnya.

...Adat/-

Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
Adat berkampung, kampung dipertahankan,
Adat bersuku, suku dipertahankan,
Adat bernegeri, negeri dipertahankan,
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan,
Sandar-bersandar, seperti aur dengan
tebing.

16. Disudahi dengan ucapan ribuan terima kasih di atas kesudian puan-puan menghadiri majlis ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

